

# EUMOVATE CREAM

Clobetasone butyrate (0.05% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Eumovate
2. Bagaimana Eumovate berfungsi
3. Sebelum mengguna Eumovate
4. Cara menggunakan Eumovate
5. Semasa menggunakan Eumovate
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Eumovate
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Eumovate

Eumovate melegakan gejala masalah-masalah kulit tertentu.

Ini termasuk:

- ekzema atopik
- keradangan kulit termasuk dermatitis serboroiik (kulit merah dengan tompok bersisik dan kelemumur degil yang terutamanya memberi kesan kepada kulit kepala) dan sejenis reaksi kulit yang dicetuskan oleh pendedahan kepada cahaya matahari (fotodermatitis)
- ruam kulit disebabkan oleh alahan atau sejenis bahan yang merengsa kulit anda (dermatitis sentuh alergic dan perengsa)
- ruam lampin
- keradangan salur telinga luar
- prurigo nodularis (nodul gatal pada kulit)
- gigitan serangga

## Bagaimana Eumovate berfungsi

Eumovate mengandungi clobetasone butyrate yang tergolong dalam satu kumpulan ubat yang dikenali sebagai steroid. Steroid membantu mengurangkan kemerahan, bengkak dan iritasi pada kulit.

## Sebelum mengguna Eumovate

- Bila tidak boleh mengguna

Jangan gunakan Eumovate:

- untuk merawat mana-mana masalah kulit yang berikut, ia mungkin menjadikannya lebih teruk:

- jangkitan virus kulit seperti herpes simplex dan cacar air (*chicken pox*)
- jika anda alah kepada bahan kandungan Eumovate
- jika anda mengalami sebarang jangkitan kulit yang disebabkan oleh bakteria atau kulat. Sila berjumpa dengan doktor anda jika terdapat sebarang jangkitan kulit yang anda alami.

- Sebelum mengguna Eumovate

- Hanya gunakan ubat ini dalam pembalut kedap udara jika diarahkan oleh doktor anda. Jika anda menyapu Eumovate di dalam pembalut kedap udara, termasuk lampin kanak-kanak, pastikan kulit telah dibersihkan sebelum pembalut baru digunakan untuk mencegah jangkitan.
- Jika anda hamil, atau rasa anda mungkin hamil, atau jika anda merancang untuk mengandung, jangan gunakan Eumovate tanpa berjumpa dengan doktor anda terlebih dahulu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Steroid topikal tidak boleh digunakan secara meluas dalam kehamilan, iaitu dalam jumlah yang besar atau untuk tempoh yang berpanjangan.

Sesetengah ubat mungkin menjejaskan cara Eumovate berfungsi, atau menyebabkan anda lebih berkemungkinan mengalami kesan-kesan sampingan. Adalah sangat penting untuk anda memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat lain, jika anda telah mengambil sebarang ubat kebelakangan ini, atau jika anda mula mengambil ubat baru. Ini termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

## Cara menggunakan Eumovate

- Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa menggunakan Eumovate sebagaimana yang diarahkan oleh doktor anda. Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

Gunakan Eumovate sehingga maksimum empat kali sehari. Kekerapan anda menggunakan ubat anda boleh dikurangkan jika kulit anda bertambah baik.

- Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Hanya gunakan Eumovate untuk jangka masa yang dipreskripsikan oleh doktor anda. Jika anda menggunakan Eumovate secara tetap, pastikan anda berjumpa dengan doktor anda sebelum anda berhenti menggunakannya.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa menggunakan Eumovate, sapukannya sebaik sahaja anda teringat, kemudian teruskan seperti dulu. Jangan sapukan Eumovate tambahan untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda menyapu Eumovate dalam kuantiti yang besar atau tertelan terlalu banyak Eumovate secara tidak sengaja, ia mungkin menyebabkan anda berasa tidak sihat. Jika anda tertelan Eumovate dalam satu kuantiti yang besar, bilas mulut anda dengan banyak air dan hubungi doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat.

Ciri-ciri *hypercorticism* seperti berat badan meningkat terutamanya pada

muka (muka bulan) dan bahagian belakang badan (bonggol kerbau), kulit menipis, mudah lebam dan tanda regangan berwarna merah jambu atau ungu, jerawat bertambah, and keguguran rambut pada perempuan boleh muncul dan dalam situasi ini steroid topikal perlu dihentikan.

**Semasa menggunakan Eumovate**

- Perkara yang perlu dilakukan

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat anda dan menggunakannya sebagaimana yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini hanya dipreskripsikan untuk anda sahaja. Jangan berinya kepada orang lain. Ia mungkin memudaratkan mereka, walaupun gejala mereka sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa menyapu Eumovate pada kelopak mata untuk memastikannya tidak masuk ke dalam mata anda kerana glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata) mungkin berlaku.

Berhati-hati semasa menyapu Eumovate pada muka untuk satu jangka masa yang panjang kerana ia mungkin menyebabkan penipisan kulit.

Hubungi doktor anda jika jangkitan berlaku.

Dapatkan nasihat doktor sebelum menggunakan Eumovate pada bayi dan kanak-kanak, penggunaan steroid jangka panjang dalam lingkungan umur ini boleh menyebabkan kesan sampingan.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat, Eumovate boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan tetapi bukan setiap orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan akan menjejaskan kulit anda dan mungkin

menjejaskan bahagian lain badan anda jika satu kuantiti ubat yang mencukupi telah diserap melalui kulit dan masuk ke dalam sistem peredaran darah anda.

Jika keadaan kulit anda bertambah teruk atau kulit anda bengkak semasa rawatan. Anda mungkin alah terhadap ubat ini, menghadapi jangkitan atau memerlukan rawatan lain.

Berhenti menggunakan Eumovate dan beritahu doktor anda secepat mungkin.

Tanda-tanda kesan sampingan yang lain mungkin termasuk perubahan warna kulit dan pertumbuhan rambut yang tidak normal di kawasan yang terlibat.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika mana-mana kesan sampingan tersenarai bertambah teruk atau menyusahkan, atau jika anda mendapati sebarang kesan sampingan yang tidak tersenarai dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman [webportal.bpfk.gov.my](http://webportal.bpfk.gov.my) (Consumers → Reporting)

**Cara penyimpanan dan pelupusan Eumovate**

- Penyimpanan

- Jauhkan daripada capaian dan penglihatan kanak-kanak. Ia mungkin memudaratkan mereka.
- Simpan pada suhu di bawah 30°C.
- Jangan gunakan Eumovate selepas tarikh luput yang tertera atas tiub atau karton.

- Pelupusan

Ubat-ubat tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa-sisa buangan isi rumah. Rujuk kepada ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Krim Eumovate berwarna putih kekuningan hingga putih. Krim emolien adalah terlarutcampurkan air. Krim Eumovate dibekalkan dalam tiub aluminium 25g dan 100g dengan penutup.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

0.5 mg clobetasone butyrate dalam 1 g.

- Bahan tidak aktif

Glycerol  
Glyeryl monostearate  
Cetostearyl alcohol  
Beeswax substitute 6621  
Arlacel 165  
Dimeticone 20  
Chlorocresol  
Sodium citrate  
Citric acid monohydrate  
Purified water

- Nombor MAL

MAL19870487AZ

**Pengilang**

Glaxo Wellcome Operations UK Ltd  
Harmire Road, Barnard Castle,  
Durham DL12 8DT,  
United Kingdom

**Pemegang Pendaftaran Produk**

GlaxoSmithKline Pharmaceutical Sdn.  
Bhd.  
Level 6, Quill 9,  
112 Jalan Semangat,  
46300 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia

**Tarikh kemaskini RiMUP**

01/03/2016

**Nombor siri:**

BPFK(R4/1)250216/00063